

D.R. 9/2009

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Pindaan) 2009.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Penggantian seksyen 5

2. Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 [Akta 597], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dengan menggantikan seksyen 5 dengan seksyen yang berikut:

“Anggota Suruhanjaya dan tempoh jawatan

5. (1) Suruhanjaya hendaklah terdiri daripada tidak lebih daripada dua puluh orang anggota.

(2) Anggota Suruhanjaya hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas syor Perdana Menteri yang hendaklah, sebelum memberikan nasihatnya, berunding dengan jawatankuasa yang disebut dalam seksyen 11A.

(3) Anggota Suruhanjaya hendaklah dilantik daripada kalangan lelaki dan wanita daripada pelbagai latar belakang agama, politik dan kaum yang mempunyai pengetahuan, atau pengalaman praktikal dalam, perkara hak asasi manusia.

(4) Seseorang anggota Suruhanjaya hendaklah memegang jawatan selama tempoh tiga tahun dan layak untuk dilantik semula sekali sahaja bagi tempoh tiga tahun lagi.

(5) Perdana Menteri boleh menentukan mekanisme yang sesuai, termasuk petunjuk-petunjuk prestasi utama, untuk menilai prestasi anggota-anggota Suruhanjaya dalam menjalankan fungsi dan kewajipan mereka di bawah Akta ini.

(6) Penilaian itu hendaklah diambil kira –

(a) oleh Perdana Menteri sebelum memberikan nasihatnya kepada Yang di-Pertuan Agong bagi pelantikan semula mana-mana anggota Suruhanjaya di bawah subseksyen (4); dan

- (b) bagi pemecatan mana-mana anggota Suruhanjaya di bawah seksyen 10.”.

Seksyen baru 11A

3. Akta ini dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 11 dalam Bahagian II seksyen yang berikut:

“Jawatankuasa hendaklah dirujuk berhubung dengan pelantikan

11A. (1) Bagi maksud subseksyen 5(2), adalah dengan ini ditubuhkan suatu jawatankuasa yang terdiri daripada orang yang berikut:

- (a) Ketua Setiausaha Negara yang hendaklah menjadi Pengerusi;
- (b) Pengerusi Suruhanjaya; dan
- (c) tiga orang anggota lain, daripada kalangan orang yang terkemuka, yang akan dilantik oleh Perdana Menteri.

(2) Anggota jawatankuasa yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah berkhidmat dengan jawatankuasa bagi apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya.

(3) Anggota yang disebut dalam perenggan (1)(c) boleh termasuk bekas hakim dan bekas anggota Suruhanjaya.

(4) Orang yang berikut tidak boleh dilantik sebagai anggota jawatankuasa di bawah perenggan (1)(c):

(a) mana-mana orang yang terlibat secara aktif dalam politik dan berdaftar dengan mana-mana parti politik; dan

(b) mana-mana orang yang sedang atau pernah menjadi pegawai penguat kuasa.

(5) Jawatankuasa ini boleh menentukan perjalanan prosidingnya sendiri.

(6) Apa-apa pendapat, pandangan atau syor jawatankuasa apabila dirundingi oleh Perdana Menteri di bawah subseksyen 5(2) tidak mengikat Perdana Menteri.

(7) Bagi maksud seksyen ini, “pegawai penguat kuasa” ertinya pegawai –

(a) mana-mana Kementerian, Jabatan, Agensi atau mana-mana badan lain yang dibentuk oleh Kerajaan Persekutuan, termasuk suatu unit, seksyen, bahagian, jabatan atau agensi Kementerian, Jabatan, Agensi atau badan itu, yang diberi fungsi penguatkuasaan oleh

mana-mana undang-undang bertulis atau yang mempunyai kuasa penguatkuasaan;

- (b) suatu badan yang ditubuhkan oleh undang-undang Persekutuan yang diberi fungsi penguatkuasaan oleh undang-undang Persekutuan itu atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain;
- (c) suatu unit, seksyen, bahagian, jabatan atau agensi sesuatu badan yang ditubuhkan oleh undang-undang Persekutuan yang mempunyai fungsi penguatkuasaan; atau
- (d) perkhidmatan bersama yang ditubuhkan di bawah Perkara 133 Perlembagaan Persekutuan yang melaksanakan fungsi penguatkuasaan.”.

Kecualian dan peralihan

4. (1) Walau apa pun subseksyen 5(4) Akta ibu sebagaimana yang dimasukkan oleh Akta ini, anggota Suruhanjaya yang telah dilantik atau dilantik semula sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini dan belum menamatkan tempoh jawatannya sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini, boleh terus memegang jawatan bagi baki tempoh jawatannya.

(2) Walau apa pun subseksyen 5(4) Akta ibu sebagaimana yang dimasukkan oleh Akta ini –

- (a) anggota Suruhanjaya yang telah dilantik untuk kali pertama sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini dan sedang memegang jawatan pada masa permulaan kuat kuasa Akta ini layak untuk dilantik semula sekali sahaja bagi tempoh tiga tahun di bawah subseksyen 5(4) Akta ibu sebagaimana yang dimasukkan oleh Akta ini apabila habis tempoh jawatannya;
- (b) anggota Suruhanjaya yang telah dilantik semula sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini tidak layak untuk dilantik semula di bawah subseksyen 5(4) Akta ibu sebagaimana yang dimasukkan oleh Akta ini apabila habis tempoh jawatannya di bawah pelantikan semula itu.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 (“Akta 597”) untuk menjadikan proses pelantikan anggota Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (“Suruhanjaya”) lebih telus.

2. Ke arah itu, seksyen 5 Akta 597 dicadangkan untuk dipinda dalam *fasal* 2 Rang Undang-Undang. Dengan pindaan yang

dicadangkan, Perdana Menteri dikehendaki untuk berunding dengan jawatankuasa yang disebut dalam seksyen 11A sebagaimana yang dicadangkan oleh Rang Undang-Undang ini sebelum memberikan nasihatnya kepada Yang di-Pertuan Agong.

Pindaan dalam *fasal* 2 turut bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa anggota Suruhanjaya mestilah lelaki dan wanita daripada pelbagai latar belakang agama, politik dan kaum dan mempunyai pengetahuan, atau pengalaman praktikal dalam, perkara yang berhubungan dengan hak asasi manusia. Sebagai tambahan, anggota akan memegang jawatan selama tiga tahun berbanding dengan dua tahun pada masa ini.

Pindaan yang dicadangkan ini turut bertujuan untuk membolehkan Perdana Menteri untuk menentukan mekanisme yang sesuai untuk menilai prestasi anggota yang mestilah diambil kira dalam pelantikan semula mereka di bawah subseksyen 5(4) dan proses pemecatan mereka di bawah seksyen 10 Akta 597.

3. *Fasal* 3 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan jawatankuasa yang akan dirundingi oleh Perdana Menteri berhubung dengan pelantikan anggota Suruhanjaya di bawah subseksyen 5(2) sebagaimana yang dicadangkan oleh Rang Undang-Undang ini.

Jawatankuasa ini hendaklah terdiri daripada Ketua Setiausaha Negara yang hendaklah menjadi Pengerusi, Pengerusi Suruhanjaya dan tiga orang anggota lain, daripada kalangan orang yang terkemuka, yang dilantik oleh Perdana Menteri. Orang

terkemuka itu boleh termasuk bekas hakim dan bekas anggota Suruhanjaya. Walau bagaimanapun, tiada seorang pun yang terlibat secara aktif dalam politik dan berdaftar dengan mana-mana parti politik, dan sedang atau pernah menjadi pegawai penguat kuasa boleh dilantik untuk menjadi anggota jawatankuasa.

Anggota jawatankuasa hendaklah berkhidmat dengan jawatankuasa mengikut apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya.

Pindaan dalam *fasal 3* turut mengadakan peruntukan bahawa apa-apa pendapat, pandangan atau syor jawatankuasa apabila dirundingi oleh Perdana Menteri tidak mengikat Perdana Menteri.

4. *Fasal 4* bertujuan untuk mengadakan peruntukan kecualian dan peralihan. Anggota Suruhanjaya yang telah dilantik atau dilantik semula sebelum permulaan kuat kuasa pindaan yang dicadangkan oleh Rang Undang-Undang ini boleh terus memegang jawatan bagi baki tempoh jawatannya.

Bagi maksud pelantikan semula, anggota Suruhanjaya yang sedang berkhidmat pada masa permulaan kuat kuasa pindaan yang dicadangkan oleh Rang Undang-Undang ini layak untuk dilantik semula jika, sebelum permulaan kuat kuasa pindaan yang dicadangkan oleh Rang Undang-Undang ini, dia tidak pernah dilantik semula.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2) 2689]